

Karnival 'Jom Masuk U' meriah

SEPULUH ribu pengunjung membanjiri Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan sepanjang berlangsungnya Karnival Pengajian Tinggi Negara atau lebih dikenali sebagai Karnival 'Jom Masuk U' 2010 Zon 4 meliputi Negeri Sembilan dan Melaka.

Program dua hari pada 6 dan 7 Februari lalu dari pukul 9 pagi hingga 6 petang mendapat sambutan luar biasa daripada para pelajar sekolah termasuk calon Peperiksaan Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), ibu bapa, guru-guru, kaunselor dan masyarakat setempat.

Program anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran berada di Zon 4 selepas menjelajah tiga negeri iaitu Johor, Selangor dan Sabah.

Selepas ini Karnival 'Jom Masuk U' akan terbang ke Sarawak yang akan berlangsung di Permata Exhibition Centre pada 20 hingga 21 Februari ini.

Sebanyak 104 gerai pameran mengambil bahagian yang terdiri daripada 20 institut pengajian tinggi awam dan swasta, agensi kerajaan.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, penganjuran karnival seperti itu memberi kesan yang positif dalam memberi motivasi dan



GERAI Universiti Sains Islam Malaysia turut tidak terkecuali menerima kunjungan orang ramai sepanjang berlangsungnya Karnival 'Jom Masuk U' 2010, baru-baru ini.

menambah minat pelajar untuk meneruskan pengajian di IPT.

"Selain mendapat maklumat terkini tentang kemasukan ke IPT, pengunjung

juga dapat mendapat maklumat terus mengenai kursus, program, penajaan dan khidmat nasihat daripada urusetia IPT dan agensi kerajaan yang terlibat,"

katanya semasa melawat gerai pameran.

Di samping itu, sebanyak 113 sekolah sekitar Negeri Sembilan dan Melaka terlibat dalam program taklimat pelajar yang disampaikan oleh 20 IPTA yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat, USIM.

Program ini lebih menumpukan kepada para pelajar sekolah luar bandar untuk memberi pendedahan pendidikan pengajian tinggi kepada mereka.

Menurut salah pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Serting Hilir Kompleks, Negeri Sembilan, Bavaani a/p Anbalacan, program itu amat menarik dan memberi peluang merancang masa depan.

"Ia menjadi tempat saya meninjau kursus yang bersesuaian dengan minat saya seperti di Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia," katanya.

Selain itu, pelajar SMK Tinggi Perempuan Melaka, Nadhrah Izzati Ismail berkata, karnival itu menjadi pusat sehati mendapat maklumat tentang IPT.

"Ia juga dapat membuka minda dan menetapkan hala tuju dalam mengikut bidang pengajian yang akan dipilih kelak," jelasnya.

Sementara itu, seorang guru dari Seremban, Jamaliah Hashim, mengunjungi karnival itu untuk meninjau program-program matrikulasi yang ditawarkan oleh IPT di samping program sarjana untuk dirinya sendiri.